



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMoe)
www.gaexcellence.com/ijmoe



PENGAJARAN AL-QURAN DALAM TALIAN: ANALISIS KEMAHIRAN PEDAGOGI DAN CABARAN PELAJAR PLUS TAHFIZ DI UITM PERLIS

*ONLINE QURAN TEACHING: AN ANALYSIS OF PEDAGOGICAL SKILLS
AND CHALLENGES AMONG PLUS TAHFIZ STUDENTS
AT UiTM PERLIS*

Noor Azura Zainuddin¹, Marina Abu Bakar^{2*}, Syaimak Ismail @ Mat Yusoff³, Noraini Ismail⁴, Abdul Salam Zulkifli⁵, Nadiyah Hashim⁶

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Perlis, Malaysia

 noorazura@uitm.edu.my

 <https://orcid.org/0009-0000-7322-4740>

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Perlis, Malaysia

 marinaab@uitm.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0003-3442-0575>

³Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Perlis, Malaysia

 syaimak@uitm.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0001-9387-4740>

⁴Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Perlis, Malaysia

 noraini045@uitm.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0001-5690-9692>

⁵Unit Hal Ehwal Islam, Universiti Teknologi MARA Perlis, Malaysia

 abdulsalam@uitm.edu.my

 <https://orcid.org/0009-0002-4966-2438>

⁶Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Perlis, Malaysia

 nadiyah@uitm.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0002-0259-9649>

*Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 08.07.2026

Revised date: 19.07.2026

Accepted date: 17.08.2026

Published date: 10.09.2026

Abstrak:

Pengajaran al-Quran atas talian merupakan satu pendekatan baru dalam pendidikan Islam yang berkembang selari dengan kemajuan teknologi digital dan perubahan landskap pembelajaran semasa. Dalam konteks ini, penglibatan pelajar Plus Tahfiz di Universiti Teknologi MARA Perlis (UiTMPs) dalam mengendalikan kelas al-Quran secara dalam talian dilihat sebagai satu inisiatif yang bukan sahaja menyokong kelangsungan pendidikan al-Quran, malah menyumbang kepada pembangunan kemahiran pelatih. Namun demikian, keberkesanan

To cite this document:

Zainuddin, N. A., Bakar, M. A., Yusoff, S. I. M., Ismail, N., Zulkifli, A. S., & Hashim, N. (2026). Pengajaran Al-Quran Dalam Talian: Analisis Kemahiran Pedagogi Dan Cabaran Pelajar Plus Tahfiz Di UiTM Perlis. *International Journal of Modern Education*, 8(31), 234-262.

pelaksanaan serta cabaran yang dihadapi masih memerlukan kajian khusus dari perspektif tenaga pengajar. Justeru, kajian ini dijalankan untuk meneroka pengajaran al-Quran atas talian oleh pelajar Plus Tahfiz dalam Program Kelas Cinta Al-Quran (KCQ) dengan memberi fokus kepada peningkatan kemahiran pengajaran, keberkesanan kelas, peluang ekonomi dan cabaran pelaksanaan. Kajian ini mengaplikasikan reka bentuk kualitatif melalui temu bual separa berstruktur bersama tenaga pengajar Plus Tahfiz UiTMPs. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik bagi mengenal pasti tema-tema utama yang muncul daripada pengalaman dan pandangan informan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penglibatan pelatih dalam pengajaran atas talian berjaya meningkatkan kemahiran pedagogi mereka, khususnya dalam teknik penyampaian, komunikasi dan pengendalian kelas digital. Selain itu, kelas atas talian didapati berkesan berdasarkan pemerhatian pelatih terhadap peningkatan prestasi pelajar, termasuk keupayaan membaca al-Quran dengan lebih lancar. Kajian ini juga mendapati bahawa inisiatif ini membuka peluang penajaan pendapatan kepada pelatih, di samping menyumbang kepada pembangunan kompetensi dan modal insan mereka. Namun begitu, pelaksanaan program berhadapan dengan beberapa cabaran, khususnya kekangan masa, perubahan jadual, masalah capaian internet, kesukaran mengekalkan fokus pelajar serta aspek pengurusan dan dokumentasi program. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengajaran al-Quran atas talian berpotensi menjadi pendekatan pendidikan Islam yang efektif dan lestari sekiranya disokong dengan pengurusan masa yang sistematik, latihan pedagogi berterusan, infrastruktur digital yang baik serta pengurusan program yang lebih tersusun.

DOI: 10.35631/IJMOE.831015

Kata Kunci:

Kemahiran Pedagogi, Pembelajaran Digital, Pendidikan Tahfiz, Pengajaran Al-Quran Dalam Talian, Plus Tahfiz UiTM, UiTM Perlis

Abstract:

Online Quran teaching is a contemporary approach in Islamic education that has evolved in tandem with advances in digital technology and changes in the current learning landscape. In this context, the involvement of Plus Tahfiz students at Universiti Teknologi MARA (UiTM) Perlis in conducting online Quran classes is seen as an initiative that not only supports the continuity of Quranic education but also contributes to the development of trainees' skills. Nevertheless, the effectiveness of its implementation and the challenges encountered still require further investigation, particularly from the perspective of instructors. Therefore, this study was conducted to explore online Quran teaching by Plus Tahfiz students through the Kelas Cinta Al-Quran (KCQ) Program, with a particular focus on the enhancement of teaching skills, the effectiveness of online classes, economic opportunities, and the challenges encountered in its implementation. The study adopts a qualitative design using semi-structured interviews with Plus Tahfiz instructors at UiTM Perlis. Data were analyzed using thematic analysis to identify key themes emerging from the experiences and perspectives of the informants. The findings indicate that involvement in online teaching enhanced the trainees' pedagogical skills, particularly in terms of instructional delivery, communication, and digital classroom management. In addition, online classes were perceived as effective based on the trainees' observations of improvements in students' Quran

reading performance, including greater reading fluency. The study also found that the initiative provided income-generating opportunities for the trainees while contributing to the development of their competencies and human capital. However, several implementation challenges were identified, particularly time constraints, schedule changes, internet connectivity issues, difficulties in maintaining students' attention, and issues related to programme management and documentation. Overall, the findings suggest that online Quran teaching has the potential to serve as an effective and sustainable approach to Islamic education when supported by systematic time management, continuous pedagogical training, reliable digital infrastructure, and a more structured programme management system.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijmoe@gaexcellence.com

Keyword:

Digital Learning, Online Quran Teaching, Pedagogical Skills, Plus Tahfiz UiTM, Tahfiz Education, UiTM Perlis.

Pengenalan

Teknologi digital kini semakin sehati dengan amalan pendidikan, termasuk dalam proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Kaedah yang sebelum ini banyak bergantung pada interaksi secara bersemuka telah berkembang kepada pendekatan yang memanfaatkan platform digital bagi membolehkan sesi pembelajaran dilaksanakan dengan lebih fleksibel. Perubahan ini memberi pilihan kepada guru dan pelajar untuk meneruskan proses pembelajaran tanpa terlalu bergantung pada lokasi fizikal atau jadual pembelajaran konvensional (Husin, 2021; Yasin, 2025). Penggunaan medium digital dalam pendidikan al-Quran menjadi lebih meluas ketika pandemik COVID-19 apabila institusi pendidikan dan pusat tahfiz perlu mencari kaedah alternatif untuk memastikan aktiviti pembelajaran dapat diteruskan (Ismail et al., 2020; Hussin et al., 2021; Ab Hamid et al., 2022).

Perubahan tersebut turut memperluaskan fungsi teknologi dalam pendidikan al-Quran. Platform digital bukan lagi sekadar medium alternatif untuk menyampaikan pengajaran, tetapi telah membuka ruang kepada bentuk pembelajaran yang lebih fleksibel dan mudah diakses. Penyelidikan terdahulu menunjukkan bahawa pendekatan dalam talian dapat mengurangkan kekangan lokasi dan masa, sekali gus memberi peluang kepada lebih ramai pelajar untuk mengikuti pembelajaran al Quran (Zakaria & Hussin, 2023; Salleh et al., 2025). Pada masa yang sama, kemunculan aplikasi tahfiz digital, pendekatan pembelajaran hibrid dan penggunaan kecerdasan buatan memperlihatkan bahawa pendidikan al-Quran sedang berkembang seiring dengan perubahan teknologi dan keperluan generasi semasa (Shaharuddin et al., 2024; Syahir et al., 2025; Adi et al., 2026).

Dalam perkembangan ini, institusi pengajian tinggi mempunyai ruang yang luas untuk menyediakan pengalaman pembelajaran yang melangkaui pencapaian akademik semata mata. Pelajar boleh diberikan peluang untuk mengaplikasikan pengetahuan yang dimiliki melalui aktiviti yang memberi manfaat kepada masyarakat. Pendekatan tersebut dapat dilihat melalui Program Plus Tahfiz di Universiti Teknologi MARA (UiTM), yang menggabungkan pengajian akademik dengan penguasaan hafazan al Quran. Di UiTM Cawangan Perlis, salah satu bentuk penglibatan tersebut dilaksanakan menerusi Program Kelas Cinta Al Quran (KCQ), apabila

pelajar Plus Tahfiz diberikan tanggungjawab mengendalikan kelas al-Quran secara dalam talian kepada peserta program.

Penglibatan sebagai tenaga pengajar memberikan pengalaman yang berbeza daripada kedudukan mereka sebagai pelajar tahfiz. Mereka bukan sahaja perlu menguasai kandungan al-Quran, tetapi juga perlu berkomunikasi dengan pelajar, memilih kaedah penyampaian yang sesuai, mengurus sesi pembelajaran dan menyesuaikan pengajaran dengan persekitaran digital. Keperluan ini penting kerana pengajaran al-Quran dalam talian mempunyai cabaran tersendiri. Masalah kestabilan internet, gangguan audio dan kesukaran memantau bacaan boleh mempengaruhi interaksi antara guru dengan pelajar serta proses pembetulan bacaan dan tajwid (Rosli & Razak, 2021; Ali et al., 2022; Amir et al., 2023). Pengajaran bersemuka juga masih mempunyai kelebihan tertentu, khususnya apabila guru perlu mendengar, memerhati dan membetulkan bacaan pelajar secara langsung (Rahman, 2022). Dalam persekitaran digital, keadaan ini menjadikan keupayaan menggabungkan pengetahuan al-Quran, pedagogi dan kemahiran teknologi semakin penting bagi seseorang tenaga pengajar (Ismail & Rahman, 2020; Saili et al., 2025).

Walaupun kajian berkaitan pendidikan al-Quran dalam talian semakin berkembang, perhatian penyelidik banyak diberikan kepada pengalaman pembelajaran pelajar, penggunaan teknologi, keberkesanan medium digital dan cabaran yang dihadapi oleh guru atau institusi (Hussin et al., 2021; Suhaila, 2023; Salleh et al., 2025). Pengalaman pelajar tahfiz yang mengambil peranan sebagai tenaga pengajar masih belum diterokai secara meluas, khususnya apabila pengalaman tersebut dilihat dari sudut pembangunan kemahiran pedagogi, pelaksanaan pengajaran, peluang memperoleh pendapatan dan cabaran mengendalikan kelas. Jurang ini penting kerana pengalaman mengajar boleh menyediakan ruang kepada pelajar tahfiz untuk mengembangkan kompetensi yang melangkaui penguasaan hafazan, termasuk komunikasi, kepimpinan dan keyakinan diri (Sutiono et al., 2023). Pada masa yang sama, manfaat ekonomi yang mungkin diperoleh oleh pelajar melalui penglibatan sebagai tenaga pengajar al-Quran masih kurang diberikan perhatian dalam literatur sedia ada.

Berdasarkan jurang tersebut, kajian ini meneroka pengalaman pelajar Plus Tahfiz UiTM Perlis yang terlibat sebagai tenaga pengajar dalam Program Kelas Cinta Al Quran (KCQ). Secara khusus, kajian ini memberi perhatian kepada perkembangan kemahiran pedagogi pelatih, keberkesanan kelas berdasarkan pengalaman dan pemerhatian mereka, peluang penjana pendapatan serta cabaran yang dihadapi sepanjang mengendalikan pengajaran al-Quran secara dalam talian.

Sorotan Literatur

Pengajaran Al-Quran Dalam Talian

Penggunaan teknologi dalam pendidikan al-Quran telah berkembang daripada medium sokongan kepada sebahagian daripada persekitaran pembelajaran itu sendiri. Peralihan ini menjadi lebih jelas apabila pandemik COVID-19 mengehendkan pertemuan fizikal dan memerlukan institusi pendidikan serta pusat pengajian al-Quran meneruskan pengajaran melalui medium digital. Pengalaman tersebut menunjukkan bahawa pembelajaran al-Quran tidak semestinya terikat kepada ruang fizikal apabila guru dan pelajar mempunyai akses kepada teknologi yang sesuai (Ismail et al., 2020; Hussin et al., 2021; Ab Hamid et al., 2022).

Fleksibiliti merupakan antara manfaat utama yang dikaitkan dengan pendekatan ini. Pembelajaran dalam talian membolehkan sesi pengajaran disesuaikan dengan lokasi dan keadaan peserta, sekaligus memberi alternatif kepada mereka yang sukar mengikuti kelas secara bersemuka (Husin, 2021; Zakaria & Hussin, 2023). Namun, fleksibiliti tersebut tidak dengan sendirinya menjamin pengalaman pembelajaran yang berkualiti. Keberkesannya turut bergantung pada keupayaan guru menggunakan medium digital secara pedagogi, bukan sekadar memindahkan kaedah pengajaran bersemuka ke platform dalam talian.

Dalam hal ini, teknologi menyediakan pelbagai kemungkinan untuk memperkayakan pengalaman pembelajaran al-Quran. Penggunaan bahan digital boleh membantu proses pengulangan, meningkatkan penglibatan pelajar dan membolehkan kandungan disampaikan dengan lebih terancang (Salleh et al., 2025). Penggunaan teknologi dalam pengajaran qiraat turut memperlihatkan potensinya dalam membantu pemahaman kandungan pembelajaran (Affindi & Saad, 2026). Perkembangan ini menunjukkan bahawa nilai teknologi bukan terletak pada penggunaan platform semata-mata, tetapi pada cara teknologi digabungkan dengan strategi pengajaran yang sesuai.

Inovasi yang lebih terkini memperluaskan lagi kemungkinan tersebut. Program Q STEAM Superb Huffaz Kids Explorer, misalnya, menggabungkan elemen teknologi, kreativiti dan STEM dalam pendidikan al-Quran, manakala cadangan model al-Quran pintar berasaskan VARK memberi perhatian kepada kepelbagaian gaya pembelajaran pelajar (Abdullah et al., 2025; Othman et al., 2025). Perkembangan kecerdasan buatan pula membuka ruang kepada penggunaan semakan bacaan, analisis tajwid dan pembelajaran yang lebih diperibadikan. Literatur semasa menunjukkan bahawa teknologi ini mula mendapat perhatian dalam pendidikan tahfiz dan pengajian al-Quran (Syahir et al., 2025; Adi et al., 2026).

Namun begitu, kemajuan teknologi tidak menghapuskan cabaran asas dalam pengajaran al-Quran. Masalah internet, gangguan audio dan keterbatasan interaksi boleh menjejaskan proses mendengar dan membetulkan bacaan, sedangkan kedua-dua proses tersebut penting dalam pembelajaran al-Quran (Rosli & Razak, 2021; Ali et al., 2022; Amir et al., 2023). Pengajaran bersemuka juga masih mempunyai kelebihan apabila guru perlu melakukan pemantauan bacaan dan pembetulan tajwid secara langsung (Rahman, 2022). Oleh itu, persoalan yang lebih relevan bukan sama ada teknologi boleh menggantikan pengajaran bersemuka sepenuhnya, tetapi bagaimana teknologi boleh digunakan secara terancang tanpa mengurangkan ketelitian bimbingan guru.

Kemahiran Pedagogi dalam Pendidikan Islam

Penguasaan kandungan al-Quran merupakan asas penting bagi seseorang tenaga pengajar, tetapi penguasaan tersebut tidak secara automatik menjadikan seseorang mampu mengajar dengan berkesan. Pengajaran memerlukan keupayaan menterjemahkan pengetahuan kepada bentuk yang boleh difahami oleh pelajar, menyesuaikan pendekatan mengikut tahap mereka dan membina interaksi yang menyokong proses pembelajaran. Keperluan ini menjadi semakin kompleks apabila pengajaran berlangsung secara digital kerana guru perlu mengurus aspek kandungan, pedagogi dan teknologi pada masa yang sama (Ismail & Rahman, 2020; Saili et al., 2025).

Perubahan ini menjadikan kompetensi digital sebahagian daripada kemahiran pedagogi tenaga pengajar masa kini. Dalam pendidikan tahfiz, penggunaan teknologi telah berkembang melalui pelbagai media dan aplikasi yang menyokong aktiviti pembelajaran (Ismail et al., 2025). Pada masa yang sama, penggunaan teknologi perlu disesuaikan dengan sifat pendidikan Islam yang menekankan bimbingan, hubungan guru dengan pelajar dan pembentukan adab. Model Cybergogi Talaqqi, misalnya, meletakkan teknologi sebagai medium yang melengkapi hubungan pendidikan, bukannya menggantikannya (Jodi et al., 2026). Pertimbangan yang sama timbul dalam penggunaan AI, apabila kecekapan teknologi perlu diseimbangkan dengan etika Islam dan pembinaan adab (Ar et al., 2026).

Oleh itu, kompetensi tenaga pengajar al-Quran dalam persekitaran digital perlu difahami secara lebih luas. Selain pengetahuan kandungan, mereka memerlukan kebolehan berkomunikasi, mengurus pembelajaran, memilih teknologi yang sesuai dan menyesuaikan strategi mengikut keperluan pelajar. Perubahan kurikulum pendidikan Islam sendiri semakin menuntut integrasi literasi digital dengan nilai keislaman (Zainuddin, 2025). Keperluan untuk terus menyesuaikan kompetensi tenaga pengajar dengan perkembangan teknologi turut diketengahkan oleh Ilyas (2024) serta Khoiriyah dan Hidayatullah (2026).

Dalam konteks pelajar Plus Tahfiz, pengalaman mengajar boleh menyediakan ruang praktikal untuk membina kompetensi tersebut. Mengendalikan kelas sebenar memerlukan mereka berinteraksi dengan pelajar, menyelesaikan masalah yang timbul semasa pembelajaran dan menyesuaikan penyampaian berdasarkan respons peserta. Dengan demikian, pengajaran boleh berfungsi sebagai pengalaman pembelajaran kepada pelatih sendiri, bukan hanya sebagai proses penyampaian ilmu kepada orang lain.

Pembelajaran Digital dan Pembangunan Pelajar Tahfiz

Perubahan dalam pendidikan tahfiz menunjukkan bahawa pembangunan seorang huffaz semakin dilihat daripada perspektif yang lebih luas daripada pencapaian hafazan sahaja. Institusi tahfiz kini berhadapan dengan keperluan untuk menyediakan pelajar yang mampu berfungsi dalam persekitaran sosial dan profesional yang semakin dipengaruhi teknologi (Latiff & Jaafar, 2024). Dalam kerangka ini, kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kebolehpasaran menjadi sebahagian daripada pembangunan pelajar tahfiz di samping penguasaan ilmu al-Quran (Ismail et al., 2017; Ahmad & Adam, 2022).

Teknologi digital menyediakan salah satu ruang untuk membangunkan kemahiran tersebut, tetapi pengalaman praktikal mempunyai nilai yang tersendiri. Apabila pelajar tahfiz diberi tanggungjawab sebagai mentor atau tenaga pengajar, kedudukan mereka berubah daripada penerima ilmu kepada individu yang perlu menyampaikan dan mengurus pembelajaran orang lain. Kajian Sutiono et al. (2023), misalnya, mengaitkan pengalaman mentoring al-Quran dengan pembangunan komunikasi, kepimpinan dan keyakinan diri mentor.

Pengalaman tersebut penting kerana pelajar tahfiz sendiri berhadapan dengan tuntutan yang pelbagai. Pengajian akademik, hafazan dan komitmen lain memerlukan pengurusan masa yang baik. Talib et al. (2024) mengenal pasti isu pengurusan masa, tekanan akademik dan keseimbangan antara hafazan dengan pengajian formal, manakala Jumri et al. (2025) turut memberi perhatian kepada faktor yang mempengaruhi perjalanan pengajian tahfiz. Dalam konteks pelajar yang turut menjadi tenaga pengajar, tuntutan tersebut menjadi lebih mencabar kerana tanggungjawab kepada pelajar perlu diseimbangkan dengan komitmen mereka sendiri.

Atas sebab itu, penglibatan pelajar tahfiz dalam pengajaran al-Quran wajar dilihat sebagai pengalaman pembangunan modal insan yang mempunyai manfaat dan tuntutannya tersendiri. Ia menyediakan ruang untuk menggunakan ilmu yang telah dipelajari, membina kemahiran interpersonal dan memperoleh pengalaman mengendalikan tanggungjawab sebenar. Pada masa yang sama, manfaat tersebut bergantung pada bentuk sokongan, latihan dan pengurusan program yang diberikan kepada mereka.

Analisis Jurang Kajian

Sorotan kajian memperlihatkan perkembangan yang ketara dalam penyelidikan berkaitan pendidikan al-Quran digital, tetapi tumpuannya masih tidak seimbang. Sebahagian besar kajian meneliti pengalaman pelajar sebagai penerima pembelajaran, penggunaan teknologi, penerimaan terhadap pembelajaran dalam talian atau cabaran yang dihadapi oleh guru dan institusi (Ismail et al., 2020; Hussin et al., 2021; Ab Hamid et al., 2022; Suhaila, 2023). Literatur tahfiz pula banyak membincangkan penggunaan teknologi, kesediaan digital, motivasi dan cabaran akademik pelajar.

Pertama, masih kurang perhatian diberikan kepada pelajar tahfiz yang berperanan sebagai tenaga pengajar, khususnya dalam konteks institusi pengajian tinggi. Kedudukan ini berbeza daripada pelajar sebagai penerima pembelajaran kerana mereka perlu menggunakan pengetahuan sedia ada untuk membimbing orang lain, mengurus interaksi dan membuat keputusan pedagogi sepanjang proses pengajaran.

Kedua, pembangunan kemahiran pedagogi pelajar tahfiz melalui pengalaman mengajar sebenar belum diterokai secara mendalam. Walaupun literatur menunjukkan bahawa aktiviti mentoring boleh menyumbang kepada komunikasi, kepimpinan dan keyakinan diri (Sutiono et al., 2023), masih terdapat ruang untuk memahami bagaimana pengalaman mengendalikan kelas al-Quran secara dalam talian membentuk kompetensi pengajaran pelatih.

Ketiga, dimensi ekonomi kurang mendapat perhatian. Literatur yang digunakan dalam kajian terdahulu banyak membincangkan manfaat teknologi dan pembangunan kemahiran, tetapi peluang penjana pendapatan melalui aktiviti pengajaran al-Quran masih jarang dianalisis secara empirikal. Dalam konteks Program KCQ, dimensi ini penting kerana pelatih bukan sahaja memperoleh pengalaman mengajar, malah menerima manfaat kewangan daripada penglibatan mereka.

Keempat, masih terdapat keperluan kepada penelitian kualitatif yang memberikan ruang kepada pelatih sendiri untuk menerangkan pengalaman, manfaat dan cabaran yang mereka hadapi. Sebahagian kajian terdahulu memberi penekanan kepada penerimaan, persepsi dan keberkesanan penggunaan teknologi, sedangkan pengalaman sebenar tenaga pengajar pelatih masih kurang diterokai secara mendalam.

Berdasarkan jurang tersebut, kajian ini memberi tumpuan kepada pelajar Plus Tahfiz UiTM Perlis yang terlibat sebagai tenaga pengajar dalam Program KCQ. Jadual 1 mewakili rumusan jurang kajian. Berdasarkan jurang yang telah dikenal pasti, kajian ini dijalankan bagi meneroka pengalaman pelajar Plus Tahfiz UiTM Perlis sebagai tenaga pengajar al-Quran dalam talian melalui Program KCQ, dengan memberi tumpuan kepada pembangunan kemahiran pedagogi, keberkesanan pelaksanaan kelas, peluang ekonomi dan cabaran yang dihadapi.

Jadual 1: Rumusan Analisis Jurang Kajian

Jurang	Kajian Terdahulu	Jurang Pengetahuan	Sumbangan Kajian Ini
Fokus responden	Pelajar dan guru profesional	Pelajar tahfiz sebagai tenaga pengajar kurang dikaji	Fokus kepada pelajar Plus Tahfiz UiTM Perlis
Kemahiran pedagogi	Guru Pendidikan Islam dan pensyarah	Pembangunan pedagogi pelajar tahfiz belum diteroka	Menganalisis pembangunan kemahiran pedagogi pelatih
Impak sosioekonomi	Fokus keberkesanan pembelajaran	Peluang pendapatan pelajar tahfiz kurang dibincangkan	Meneliti penjanaan pendapatan melalui pengajaran al-Quran
Metodologi	Majoriti kuantitatif	Pengalaman mendalam kurang diteroka	Menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual

Sumber: Pengkaji (2026)

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk meneroka pengalaman pelajar Plus Tahfiz UiTM Cawangan Perlis yang terlibat sebagai tenaga pengajar dalam Program Kelas Cinta Al-Quran (KCQ). Pendekatan ini dipilih kerana kajian memberi tumpuan kepada pengalaman sebenar pelatih, khususnya berkaitan perkembangan kemahiran pedagogi, pelaksanaan pengajaran al-Quran secara dalam talian, peluang penjanaan pendapatan serta cabaran yang dihadapi sepanjang mengendalikan kelas. Pendekatan kualitatif sesuai digunakan apabila pengkaji ingin memahami sesuatu fenomena berdasarkan pengalaman dan makna yang diberikan oleh individu yang terlibat secara langsung dalam fenomena tersebut (Creswell & Poth, 2018; Merriam & Tisdell, 2016).

Pemilihan informan dilakukan secara persampelan bertujuan (*purposive sampling*) berdasarkan kriteria khusus yang berkaitan dengan fokus kajian. Informan mestilah merupakan pelajar Plus Tahfiz UiTM Cawangan Perlis dan mempunyai pengalaman mengendalikan kelas al-Quran secara dalam talian melalui Program KCQ. Kriteria ini memastikan data diperoleh daripada individu yang mempunyai pengalaman langsung dan mampu memberikan maklumat yang relevan dengan persoalan kajian. Persampelan bertujuan membolehkan penyelidik memilih informan berdasarkan keupayaan mereka memberikan maklumat yang kaya dan berkaitan dengan fenomena yang sedang dikaji (Patton, 2015).

Seramai 14 orang pelatih Plus Tahfiz terlibat sebagai informan. Mereka mempunyai latar belakang dan pengalaman pengajaran yang berbeza serta mengendalikan bilangan pelajar KCQ yang berbeza. Kepelbagaian tersebut membolehkan pengkaji memperoleh gambaran pengalaman pengajaran daripada perspektif pelatih yang berbeza.

Kaedah Pengumpulan Data

Data kajian dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur. Kaedah ini membolehkan pengkaji menggunakan satu set soalan utama yang selaras dengan objektif kajian, di samping memberikan ruang kepada informan untuk menghuraikan pengalaman mereka secara lebih terbuka. Soalan susulan turut dikemukakan apabila terdapat isu atau pengalaman tertentu yang memerlukan penjelasan lanjut. Fleksibiliti ini penting dalam penyelidikan kualitatif kerana pengalaman setiap informan mungkin berbeza walaupun mereka terlibat dalam program yang sama (Merriam & Tisdell, 2016).

Protokol temu bual dibangunkan berdasarkan objektif kajian dan isu yang dikenal pasti melalui sorotan literatur. Soalan temu bual merangkumi pengalaman pelatih mengendalikan kelas KCQ, perkembangan kemahiran pengajaran, pengalaman mereka terhadap perkembangan pembelajaran pelajar, manfaat kewangan yang diperoleh serta cabaran yang dihadapi sepanjang program.

Bagi memastikan soalan yang dikemukakan sesuai dengan tujuan kajian, protokol temu bual telah melalui proses semakan kesahan kandungan oleh tiga orang pakar yang mempunyai kepakaran dalam bidang pendidikan Islam, pengajaran al-Quran dan penyelidikan kualitatif. Semakan tersebut memberi perhatian kepada kesesuaian soalan dengan objektif kajian, kejelasan bahasa, susunan soalan dan keupayaannya mendapatkan maklumat yang diperlukan. Maklum balas pakar digunakan untuk memperkemas protokol sebelum proses pengumpulan data sebenar dilaksanakan.

Temu bual dilaksanakan dengan mengambil kira kesediaan informan dan setiap sesi memberi ruang yang mencukupi kepada mereka untuk menerangkan pengalaman masing masing. Data yang diperoleh kemudiannya disediakan dalam bentuk transkrip bagi membolehkan proses analisis dilakukan secara sistematik. Jadual 2 merupakan senarai profil informan yang terlibat dalam kajian ini.

Jadual 2: Senarai Profil Informan Kajian

Informan	Jantina	Status	Bil. Pelajar Kendalian
Informan 1	Perempuan	Pelajar Plus Tahfiz UiTM Perlis	2 orang
Informan 2	Perempuan	Pelajar Plus Tahfiz UiTM Perlis	1 orang
Informan 3	Perempuan	Pelajar Plus Tahfiz UiTM Perlis	3 orang
Informan 4	Perempuan	Pelajar Plus Tahfiz UiTM Perlis	1 orang
Informan 5	Lelaki	Pelajar Plus Tahfiz UiTM Perlis	1 orang
Informan 6	Perempuan	Pelajar Plus Tahfiz UiTM Perlis	3 orang
Informan 7	Lelaki	Pelajar Plus Tahfiz UiTM Perlis	1 orang
Informan 8	Lelaki	Pelajar Plus Tahfiz UiTM Perlis	2 orang
Informan 9	Perempuan	Pelajar Plus Tahfiz UiTM Perlis	2 orang
Informan 10	Lelaki	Pelajar Plus Tahfiz UiTM Perlis	3 orang
Informan 11	Lelaki	Pelajar Plus Tahfiz UiTM Perlis	1 orang
Informan 12	Lelaki	Pelajar Plus Tahfiz UiTM Perlis	2 orang
Informan 13	Lelaki	Pelajar Plus Tahfiz UiTM Perlis	2 orang
Informan 14	Lelaki	Pelajar Plus Tahfiz UiTM Perlis	2 orang

Sumber: Pengkaji (2026)

Kaedah Penganalisisan Data

Data temu bual dianalisis menggunakan analisis tematik dengan berpandukan pendekatan Braun dan Clarke (2006). Analisis ini dipilih kerana membolehkan pola makna dikenal pasti secara sistematik daripada pengalaman yang dikongsi oleh informan.

Proses analisis dimulakan dengan pembacaan transkrip secara berulang bagi membolehkan pengkaji memahami keseluruhan pengalaman informan. Bahagian data yang mempunyai kaitan dengan objektif kajian kemudiannya dikenal pasti dan diberikan kod awal. Kod yang mempunyai persamaan atau hubungan makna dibandingkan dan dikelompokkan kepada kategori yang lebih luas. Daripada proses tersebut, pola yang berulang dikenal pasti dan dikembangkan menjadi tema serta subtema.

Tema yang dibentuk tidak diterima secara automatik pada peringkat awal, sebaliknya disemak semula dengan merujuk kepada kod dan petikan asal. Langkah ini dilakukan bagi memastikan setiap tema mempunyai sokongan data yang mencukupi serta dapat dibezakan dengan tema yang lain. Nama dan skop setiap tema kemudiannya diperhalusi supaya benar benar menggambarkan pengalaman yang dikongsi oleh informan.

Hasil analisis menghasilkan empat tema utama, iaitu peningkatan kemahiran pedagogi pelatih Plus Tahfiz, keberkesanan pengajaran al Quran secara dalam talian berdasarkan pengalaman pelatih, peluang penajaan pendapatan dan pembangunan modal insan, serta cabaran pelaksanaan Program KCQ. Tema utama seterusnya diperincikan kepada beberapa subtema berdasarkan pola yang muncul daripada data. Petikan verbatim digunakan dalam pelaporan dapatan bagi menunjukkan hubungan antara interpretasi pengkaji dengan pengalaman sebenar informan. Setiap tema dibentuk berdasarkan pengelompokan kod dan kategori yang mempunyai persamaan makna serta hubungan dengan objektif kajian. Ringkasan tema, subtema dan kod atau kategori data kajian ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Tema, Subtema dan Kod atau Kategori Dapatan Kajian

Tema Utama	Subtema	Kod atau Kategori Data
Peningkatan Kemahiran Pedagogi Pelatih Plus Tahfiz	Refleksi sendiri sebagai pendidik	Mengenal pasti kekurangan diri; refleksi pengalaman mengajar; penambahbaikan penguasaan ilmu
	Peningkatan kemahiran pengajaran	Teknik penyampaian; pengurusan kelas; penyesuaian kaedah pengajaran
	Komunikasi dan keyakinan diri	Keyakinan mengajar; komunikasi dengan pelajar; interaksi guru dan pelajar
	Keperluan latihan pedagogi berterusan	Latihan mengajar; pengukuhan tajwid; pedagogi digital; bimbingan pelatih
	Peningkatan prestasi bacaan al-Quran	Kelancaran bacaan; peningkatan penguasaan

Keberkesanan Pengajaran Al-Quran Secara Dalam Talian	Fleksibiliti pembelajaran	Iqra'; pembeduan tajwid dan bacaan Fleksibiliti lokasi; penyesuaian masa; kemudahan pembelajaran dalam talian
Peluang Penjanaan Pendapatan dan Pembangunan Modal Insan	Interaksi dan bimbingan pembelajaran Pendapatan sampingan Penghargaan dan motivasi mengajar Kebolehpasaran dan pembangunan modal insan	Bimbingan individu; pemantauan perkembangan; komunikasi dalam kelas Imbuhan mengajar; sokongan kewangan; bayaran pelatih Insentif; penghargaan terhadap usaha; motivasi meneruskan pengajaran Kemahiran komunikasi; kepimpinan; pengurusan masa; pengalaman profesional
Cabaran Pelaksanaan Program KCQ	Kekangan masa Kekangan internet dan infrastruktur digital Fokus dan penglibatan pelajar Kesinambungan pengajaran dan pengurusan program	Pertindihan jadual; komitmen akademik; kesukaran mengurus masa Internet tidak stabil; penangguhan kelas; gangguan teknikal Hilang tumpuan; tempoh kelas; keperluan pembelajaran interaktif Perubahan jadual; dokumentasi; pemantauan; latihan berterusan

Sumber: Pengkaji (2026)

Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian

Bagi memastikan kredibiliti dan kebolehpercayaan (*trustworthiness*) dapatan kajian, beberapa strategi telah dilaksanakan berdasarkan kriteria yang dikemukakan oleh Lincoln dan Guba (1985). Strategi tersebut melibatkan *member checking*, *peer debriefing*, penyediaan *audit trail* dan penggunaan petikan verbatim daripada informan.

Pertama, *member checking* digunakan bagi mengurangkan kemungkinan berlaku salah tafsir terhadap pengalaman yang dikongsikan oleh informan. Maklumat dan interpretasi awal disemak bagi memastikan maksud yang diberikan oleh pengkaji tidak bercanggah dengan pengalaman yang dimaksudkan oleh informan. Sebarang penjelasan atau pembeduan yang diterima diambil kira sebelum interpretasi dan pembentukan tema dimuktamadkan.

Kedua, *peer debriefing* dilaksanakan melalui perbincangan dalam kalangan pengkaji sepanjang proses analisis. Perbincangan memberi perhatian kepada pengkodan data, pengelompokan kategori, pembentukan tema dan interpretasi terhadap dapatan. Proses ini membolehkan

interpretasi awal dinilai secara kritikal dan membantu mengurangkan kemungkinan dapatan terlalu dipengaruhi oleh pandangan seorang pengkaji sahaja.

Ketiga, *audit trail* digunakan untuk merekodkan perkembangan proses analisis secara sistematik. Rekod berkaitan transkrip, kod, kategori dan pembentukan tema dikekalkan supaya hubungan antara data asal dengan dapatan akhir dapat dijejaki. Langkah ini membantu meningkatkan ketelusan proses analisis dan menyokong kebolehbergantungan dapatan.

Akhir sekali, petikan verbatim daripada informan dikemukakan dalam bahagian dapatan sebagai bukti empirikal kepada tema dan subtema yang dikenal pasti. Penggunaan petikan langsung membolehkan suara informan dikekalkan serta memberikan peluang kepada pembaca untuk menilai hubungan antara data asal dengan interpretasi yang dikemukakan oleh pengkaji.

Dapatan dan Perbincangan

Peningkatan Kemahiran Pedagogi Pelatih Plus Tahfiz

Refleksi Kendiri sebagai Pendidik

Pengalaman sebagai tenaga pengajar KCQ memberi peluang kepada pelatih untuk menggunakan pengetahuan al Quran dalam situasi pengajaran sebenar. Dapatan menunjukkan bahawa pengalaman tersebut bukan sekadar melibatkan penyampaian kandungan kepada pelajar. Sebaliknya, proses mengajar turut mendorong pelatih menilai penguasaan ilmu sendiri, menyesuaikan cara penyampaian dan membina keyakinan ketika berinteraksi dengan pelajar. Informan 10 menjelaskan:

“Dapat mengetahui jurang-jurang dan kekurangan dalam pengetahuan saya sebagai pelajar tahfiz. Di samping itu juga, saya dapat mengasahkan kemahiran mengajar saya.”

Pengalaman mengajar juga membolehkan pelatih mengulang dan mengukuhkan pengetahuan al-Quran yang telah dipelajari. Informan 7 menyatakan:

“Dapat mengulang sambil mengajar al-Quran.”

Kedua-dua pengalaman ini memperlihatkan satu ciri penting Program KCQ, iaitu pelatih belajar melalui proses mengajar. Informan 10 menekankan kesedaran terhadap kekurangan pengetahuan, manakala Informan 7 melihat pengajaran sebagai peluang untuk melakukan pengulangan. Walaupun pengalaman mereka berbeza, kedua-duanya menunjukkan bahawa tanggungjawab sebagai tenaga pengajar mencetuskan proses pembelajaran sendiri.

Penemuan ini memberikan dimensi tambahan kepada perbincangan tentang pembangunan pelajar tahfiz. Sutiono et al. (2023) mengaitkan pengalaman mentoring al-Quran dengan perkembangan komunikasi, kepimpinan dan keyakinan diri. Dalam konteks KCQ, manfaat tersebut turut melibatkan refleksi terhadap penguasaan ilmu pelatih sendiri. Hal ini menunjukkan bahawa pengalaman mengajar boleh berfungsi sebagai ruang untuk menguji kefahaman dan mengenal pasti aspek yang masih memerlukan pengukuhan.

Dapatan ini juga mempunyai implikasi terhadap pembangunan pelajar tahfiz. Ismail et al. (2017) menegaskan bahawa pembangunan pelajar tahfiz perlu melangkaui pencapaian hafazan dengan turut memberi perhatian kepada kemahiran yang diperlukan selepas tamat pengajian. Berdasarkan pengalaman pelatih KCQ, peluang mengajar boleh menjadi salah satu medium untuk menterjemahkan penguasaan al Quran kepada kompetensi praktikal. Dengan kata lain, nilai program bukan hanya terletak pada jumlah kelas yang berjaya dilaksanakan, tetapi juga pada proses pembelajaran yang berlaku kepada pelatih ketika mereka mengajar.

Peningkatan Kemahiran Pengajaran

Selain membentuk refleksi sendiri sebagai pendidik, penglibatan dalam Program KCQ turut meningkatkan kemahiran pengajaran pelatih Plus Tahfiz. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengalaman mengendalikan kelas secara langsung membantu pelatih menguasai teknik penyampaian, komunikasi dua hala dan pengurusan pembelajaran secara lebih berkesan. Perkara ini dapat dilihat melalui kenyataan Informan 11:

“Perkara yang paling saya suka ialah dapat meningkatkan kemahiran pengajaran al-Quran.”

Manakala Informan 4 menyatakan:

“Saya dapat mengasah kemahiran mengajar saya.”

Hal ini menunjukkan bahawa proses pengajaran yang berterusan telah menjadi medium pembelajaran yang berkesan kepada pelatih. Pengalaman mengendalikan pelajar yang mempunyai latar belakang, umur dan tahap penguasaan yang berbeza memerlukan pelatih menyesuaikan pendekatan pengajaran mengikut keperluan individu. Situasi ini secara tidak langsung membantu mereka mengembangkan kemahiran pedagogi yang lebih pelbagai dan fleksibel.

Dapatan ini selari dengan kajian Abdullah (2022) yang menjelaskan bahawa pengalaman pengajaran merupakan antara faktor utama yang menyumbang kepada pembangunan kompetensi guru. Pengalaman tersebut membolehkan guru menguasai kemahiran komunikasi, pengurusan bilik darjah dan teknik penyampaian yang lebih berkesan. Dalam konteks pendidikan Islam, kemahiran ini menjadi lebih penting kerana guru bukan sahaja bertanggungjawab menyampaikan ilmu, malah berperanan sebagai murabbi yang membimbing perkembangan sahsiah dan akhlak pelajar (Rajikal & Hamzah, 2020).

Selain itu, dapatan ini turut menyokong kerangka Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (TPACK) yang menekankan integrasi antara pengetahuan kandungan, pedagogi dan teknologi dalam proses pengajaran (Saili et al., 2025). Dalam Program KCQ, pelatih perlu menguasai kandungan al-Quran dan tajwid, memahami teknik pengajaran yang sesuai serta menggunakan teknologi digital sebagai medium pembelajaran. Pengalaman mengendalikan ketiga-tiga komponen ini secara serentak membantu membentuk kompetensi pengajaran yang lebih menyeluruh.

Kajian ini membuktikan bahawa pembangunan kemahiran pedagogi tidak semestinya berlaku melalui kursus latihan formal semata-mata. Sebaliknya, pengalaman mengajar dalam situasi sebenar berupaya menjadi medium latihan profesional yang berkesan kepada pelatih Plus Tahfiz. Penemuan ini menyumbang kepada literatur pendidikan Islam dengan menunjukkan

bahawa penglibatan pelajar tahfiz sebagai tenaga pengajar mampu mempercepatkan proses pembangunan profesional mereka sebagai bakal pendidik.

Keperluan Latihan Pedagogi Berterusan

Walaupun pelatih mengakui bahawa penglibatan dalam Program KCQ membantu meningkatkan kemahiran pengajaran mereka, analisis data turut menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk memperkukuhkan latihan pedagogi secara lebih sistematik. Beberapa informan berpandangan bahawa mereka memerlukan bimbingan tambahan bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran dan keyakinan diri ketika mengendalikan kelas.

Sebagai contoh, Informan 12 mencadangkan:

“Buat kursus yang lebih mendalam tentang cara mengajar dengan betul dan berkesan.”

Begitu juga dengan Informan 13 yang menyatakan:

“Sesi latihan formal untuk guru supaya lebih yakin mengajar tajwid khusus pengajaran al-Quran.”

Cadangan tersebut menunjukkan bahawa pelatih menyedari batasan pengalaman yang dimiliki dan melihat latihan pedagogi sebagai satu keperluan penting untuk meningkatkan kualiti pengajaran. Kesedaran ini merupakan petunjuk positif terhadap tahap profesionalisme pelatih kerana mereka tidak sekadar bergantung kepada pengetahuan kandungan al-Quran semata-mata, tetapi turut memberi perhatian kepada aspek pedagogi dan keberkesanan penyampaian ilmu.

Dapatan ini menyokong kajian Ismail & Rahman (2020) yang menegaskan bahawa penguasaan ilmu kandungan sahaja tidak mencukupi untuk menjadi pendidik yang berkesan. Sebaliknya, guru perlu dilengkapi dengan pengetahuan pedagogi dan kemahiran teknologi yang sesuai dengan perkembangan pendidikan semasa. Jodi et al. (2026) turut menegaskan bahawa pengajaran al-Quran dalam era digital memerlukan tenaga pengajar yang bukan sahaja mahir dalam bidang agama, malah mampu mengintegrasikan teknologi dan pendekatan pedagogi yang sesuai.

Selain itu, dapatan ini juga menunjukkan bahawa pembangunan pelatih Plus Tahfiz memerlukan pendekatan yang lebih sistematik dan berstruktur. Program KCQ telah berjaya menyediakan ruang latihan melalui pengalaman mengajar, namun keberkesanan program boleh dipertingkatkan lagi sekiranya disokong dengan latihan pedagogi formal yang berterusan. Langkah ini penting bagi memastikan pelatih bukan sahaja mahir dalam bacaan dan hafazan al-Quran, tetapi turut memiliki kompetensi profesional yang diperlukan dalam dunia pendidikan masa kini.

Keberkesanan Pengajaran Al-Quran Secara Dalam Talian

Peningkatan Prestasi Bacaan Al-Quran

Pengajaran al-Quran secara dalam talian telah memberikan impak positif terhadap perkembangan bacaan pelajar. Sebahagian besar informan melaporkan bahawa pelajar

menunjukkan peningkatan dari aspek penguasaan Iqra', bacaan al-Quran dan keyakinan membaca selepas mengikuti kelas secara konsisten.

Perkara ini dijelaskan oleh Informan 9:

"Dapat melihat kemajuan pelajar dalam membaca Al-Quran dan Iqra'."

Selain itu, Informan 6 turut menyatakan:

"Dapat membantu pelajar yang sebelum ini kurang lancar membaca al-Quran menjadi lebih baik."

Selain peningkatan bacaan, interaksi dalam kelas turut dilihat lebih mudah bagi pelajar yang telah mempunyai asas bacaan al-Quran. Informan 8 menjelaskan:

"Senang untuk interaksi dan belajar untuk pelajar yang dah ada basic dalam Quran."

Proses pembelajaran yang dijalankan secara berterusan mampu menghasilkan perubahan yang positif dalam prestasi pelajar. Walaupun pengajaran dilaksanakan secara maya, pelatih masih dapat memantau perkembangan pelajar dan memberikan bimbingan yang bersesuaian mengikut tahap penguasaan masing-masing.

Dapatan ini selari dengan kajian Zakaria & Hussin (2023) yang mendapati bahawa pembelajaran al-Quran secara dalam talian mampu meningkatkan akses kepada pendidikan al-Quran dan membantu pelajar mencapai hasil pembelajaran yang diharapkan. Kajian Suhaila (2023) turut membuktikan bahawa penggunaan platform digital tidak menjejaskan keberkesanan pembelajaran sekiranya disokong oleh interaksi yang berterusan antara guru dan pelajar.

Walaupun bagaimanapun, dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa keberkesanan pembelajaran al-Quran tidak seharusnya diukur berdasarkan medium pengajaran semata-mata. Sebaliknya, faktor seperti komitmen guru, disiplin pelajar dan kesinambungan sesi pembelajaran memainkan peranan yang lebih besar dalam menentukan kejayaan sesuatu program. Oleh itu, perbincangan yang meletakkan pembelajaran bersemuka sebagai satu-satunya pendekatan yang berkesan perlu dinilai semula berdasarkan realiti pendidikan digital masa kini.

Motivasi dan Komitmen Pelajar

Selain peningkatan prestasi bacaan, keberkesanan program turut dapat dilihat melalui tahap motivasi dan komitmen yang ditunjukkan oleh pelajar. Beberapa informan menyatakan bahawa pelajar menunjukkan minat yang tinggi untuk mengikuti kelas dan berusaha memperbaiki bacaan mereka dari semasa ke semasa.

Sebagai contoh, Informan 2 menyatakan:

"Pelajar sangat semangat untuk belajar."

Manakala Informan 8 menjelaskan:

"Walaupun kelas secara online, pelajar masih memberi kerjasama yang baik."

Pembelajaran secara dalam talian tidak semestinya mengurangkan motivasi pelajar seperti yang sering dibimbangi oleh sesetengah pihak. Sebaliknya, apabila hubungan yang baik dapat dibina antara guru dan pelajar, pembelajaran dalam talian masih mampu mewujudkan persekitaran yang kondusif dan menyokong perkembangan pembelajaran.

Penemuan ini menyokong kajian Hussin et al. (2021) yang mendapati bahawa pelajar menunjukkan penerimaan yang positif terhadap pembelajaran dalam talian apabila mereka merasakan pembelajaran tersebut memberi manfaat dan mudah diakses. Selain itu, Salleh et al. (2025) menjelaskan bahawa penggunaan teknologi yang sesuai dapat meningkatkan penglibatan pelajar dan mewujudkan pengalaman pembelajaran yang lebih interaktif.

Hal ini juga menunjukkan bahawa motivasi pelajar tidak bergantung sepenuhnya kepada bentuk pembelajaran yang digunakan, tetapi lebih dipengaruhi oleh kualiti interaksi yang berlaku sepanjang proses pengajaran. Dalam konteks pendidikan al-Quran, hubungan yang positif antara guru dan pelajar masih menjadi faktor utama yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran walaupun proses tersebut dilaksanakan melalui medium digital.

Fleksibiliti Pembelajaran Digital

Satu lagi faktor yang menyumbang kepada keberkesanan Program KCQ ialah fleksibiliti yang ditawarkan oleh pembelajaran dalam talian. Hampir kesemua informan berpandangan bahawa pelaksanaan kelas secara maya memudahkan mereka mengurus masa dan membolehkan pembelajaran dilaksanakan tanpa batasan lokasi.

Informan 4 menyatakan:

“Mudah dan masa yang fleksibel.”

Begitu juga dengan Informan 6:

“Fleksibel dari segi waktu.”

Manakala Informan 12 menjelaskan:

“Kelas boleh dilakukan walau di mana sahaja.”

Pandangan tersebut turut disokong oleh Informan 13:

“Portable dan mudah dibuat di mana sahaja.”

Selain itu, Informan 3 mengaitkan fleksibiliti tersebut dengan komitmennya sebagai pelajar universiti:

“Memudahkan saya sebagai seorang student.”

Kesemua dapatan ini menunjukkan bahawa teknologi digital telah berjaya mengurangkan kekangan geografi dan masa yang sering menjadi halangan kepada pembelajaran al-Quran secara konvensional. Pelajar dan pelatih tidak perlu berada di lokasi yang sama untuk melaksanakan sesi pembelajaran, sekali gus meningkatkan kebolehcapaian pendidikan al-Quran kepada masyarakat.

Dapatan ini juga menyokong kajian Zakaria & Hussin (2023) yang mendapati bahawa pembelajaran al-Quran secara dalam talian memberikan fleksibiliti yang tinggi kepada pelajar dan tenaga pengajar. Hussin et al. (2021) turut mengenal pasti fleksibiliti masa dan lokasi sebagai faktor utama yang menyumbang kepada penerimaan pembelajaran digital dalam kalangan pelajar.

Walaupun bagaimanapun, fleksibiliti yang ditawarkan oleh teknologi digital perlu diimbangi dengan disiplin sendiri dan pengurusan masa yang baik. Tanpa pemantauan yang sistematik, fleksibiliti boleh menyebabkan pelajar kurang memberikan komitmen yang konsisten terhadap pembelajaran. Oleh itu, keberkesanan pembelajaran digital bergantung kepada keseimbangan antara kebebasan yang diberikan dan tahap tanggungjawab yang dipikul oleh pelajar dan tenaga pengajar.

Peluang Penjanaan Pendapatan dan Pembangunan Modal Insan

Pendapatan Sampingan Pelatih

Pelatih melihat imbuhan yang diterima sebagai satu bentuk sokongan kewangan yang membantu mereka menampung keperluan harian dan kos pengajian. Walaupun jumlah bayaran yang diterima tidak terlalu besar, ia tetap dianggap bermakna oleh pelatih yang masih berada dalam tempoh pengajian.

Perkara ini dapat dilihat melalui cadangan yang dikemukakan oleh Informan 2:

“Harap dapat tingkatkan upah bayaran pelatih.”

Pandangan yang sama turut dikemukakan oleh Informan 3:

“Cadangan saya ialah menaikkan sedikit jumlah pembayaran kepada pelatih.”

Selain itu, Informan 8 mencadangkan:

“Mungkin boleh beri sedikit insentif tambahan kepada pelatih yang mempunyai lebih ramai pelajar.”

Walaupun pandangan yang dikemukakan adalah dalam bentuk cadangan, ia secara tidak langsung menunjukkan bahawa imbuhan yang diterima mempunyai nilai dan kepentingan kepada pelatih. Situasi ini membuktikan bahawa penglibatan dalam Program KCQ bukan sekadar aktiviti sukarela atau khidmat masyarakat semata-mata, tetapi turut berfungsi sebagai sumber pendapatan tambahan yang membantu pelajar mengurus keperluan kewangan mereka. Malah, pelatih bukan sahaja memperoleh pengalaman mengajar dan kemahiran profesional, tetapi menerima ganjaran ekonomi hasil daripada pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki. Hal ini menunjukkan bahawa ilmu al-Quran bukan sahaja mempunyai nilai kerohanian semata-mata, sebaliknya berpotensi menjadi sumber pembangunan ekonomi tenaga pengajar.

Penghargaan dan Motivasi Mengajar

Selain berfungsi sebagai sumber pendapatan, imbuhan yang diterima turut dilihat sebagai satu bentuk penghargaan terhadap usaha dan komitmen pelatih dalam menjayakan program KCQ.

Dapatan menunjukkan bahawa penghargaan dalam bentuk kewangan memberi motivasi kepada pelatih untuk terus terlibat dalam aktiviti pengajaran al-Quran.

Selain aspek kewangan, data menunjukkan tahap penerimaan yang positif terhadap penglibatan sebagai tenaga pengajar KCQ. Sebanyak 12 daripada 14 informan menyatakan bahawa mereka masih berminat untuk menjadi pelatih KCQ pada masa akan datang. Informan 9 menyatakan:

“Saya amat berbesar hati dapat menjadi salah seorang tenaga pengajar.”

Pandangan ini menunjukkan bahawa penglibatan dalam KCQ tidak hanya dinilai daripada aspek imbuhan kewangan, tetapi turut memberikan kepuasan melalui peluang menyumbang sebagai tenaga pengajar al-Quran.

Selain itu, cadangan yang dikemukakan oleh beberapa informan berkaitan peningkatan bayaran menunjukkan bahawa mereka menghargai pengiktirafan terhadap masa dan tenaga yang dicurahkan sepanjang program berlangsung. Dalam konteks ini, imbuhan kewangan tidak semestinya dilihat sebagai matlamat utama, tetapi berfungsi sebagai pengukuhan positif (*positive reinforcement*) yang meningkatkan motivasi dan komitmen pelatih.

Dari sudut yang lain, dapatan ini menunjukkan bahawa program pendidikan berasaskan komuniti seperti KCQ perlu mengambil kira aspek kebajikan dan motivasi pelatih bagi memastikan kelestarian program dapat dipertahankan. Tanpa sokongan dan penghargaan yang sewajarnya, pelatih mungkin menghadapi kesukaran untuk mengekalkan komitmen dalam jangka masa panjang, khususnya apabila berhadapan dengan tuntutan akademik yang semakin mencabar.

Kebolehpasaran dan Pembangunan Modal Insan

Satu lagi dapatan penting ialah penglibatan dalam Program KCQ berpotensi menyumbang kepada pembangunan modal insan pelatih Plus Tahfiz melalui pengalaman mengendalikan pengajaran al-Quran secara langsung. Pengalaman tersebut bukan sahaja membolehkan pelatih menggunakan pengetahuan al-Quran yang dimiliki, tetapi turut memberi ruang untuk mengenal pasti kelemahan diri dan meningkatkan kemahiran pengajaran. Informan 10 menjelaskan:

“Dapat mengetahui kekurangan dalam pengetahuan saya sebagai pelajar tahfiz...saya dapat mengasahkan kemahiran mengajar saya.”

Pandangan ini menunjukkan bahawa pengalaman mengajar telah mendorong pelatih melakukan refleksi sendiri terhadap tahap pengetahuan dan kompetensi yang dimiliki. Proses tersebut penting dalam pembangunan modal insan kerana pelatih bukan sahaja menggunakan pengetahuan sedia ada, tetapi turut mengenal pasti aspek yang perlu ditambah baik melalui pengalaman sebenar sebagai tenaga pengajar.

Peningkatan kompetensi pengajaran turut dinyatakan secara langsung oleh Informan 11:

“Meningkatkan kemahiran pengajaran Al-Quran.”

Selain itu, Informan 1 melihat interaksi dalam kelas sebagai antara aspek yang paling positif dalam program:

Ketiga-tiga kenyataan ini menunjukkan bahawa Program KCQ menyediakan pengalaman praktikal yang dapat membangunkan kompetensi pelatih dari aspek pengajaran, refleksi sendiri dan interaksi dengan pelajar. Pengalaman tersebut memberikan nilai tambah kepada pelatih Plus Tahfiz kerana mereka bukan sahaja memiliki pengetahuan dan hafazan al-Quran, tetapi turut memperoleh pengalaman mengaplikasikan pengetahuan tersebut dalam situasi pengajaran sebenar.

Dapatan dalam tema terdahulu pula menunjukkan bahawa pelatih berjaya meningkatkan kemahiran pedagogi, membina keyakinan diri dan mengurus kelas secara lebih sistematik. Kemahiran-kemahiran ini merupakan antara elemen penting yang sering ditekankan oleh majikan dalam pasaran kerja semasa. Oleh itu, penglibatan dalam Program KCQ memberi nilai tambah kepada pelatih dari aspek pembangunan profesional dan persediaan kerjaya.

Penemuan ini menyokong kajian Sutiono et al. (2023) yang mendapati bahawa penglibatan sebagai mentor al-Quran mampu meningkatkan kemahiran kepimpinan, komunikasi dan keyakinan diri. Selain itu, Ismail et al. (2017) menegaskan bahawa pembangunan pelajar tahfiz pada masa kini perlu melangkaui aspek hafazan semata-mata dan merangkumi pembangunan kemahiran abad ke-21 bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Di samping itu, dapatan kajian ini telah memperluaskan lagi perbincangan literatur sedia ada. Kebanyakan kajian berkaitan pendidikan tahfiz lebih menekankan pembangunan akademik dan sahsiah pelajar (Shokri et al., 2021; Shaharuddin et al., 2024; Haslin & Hamzah, 2023). Namun demikian, kajian ini menunjukkan bahawa aktiviti pengajaran al-Quran juga berpotensi menjadi medium pembangunan kerjaya dan ekonomi pelajar. Dengan kata lain, pelajar Plus Tahfiz bukan sahaja berfungsi sebagai penerima ilmu, tetapi turut berperanan sebagai penyumbang kepada masyarakat dan agen pembangunan sosial.

Secara kritisnya, dapatan kajian ini mencabar persepsi tradisional bahawa pendidikan tahfiz hanya tertumpu kepada pembangunan rohani dan penguasaan hafazan. Sebaliknya, kajian ini membuktikan bahawa penglibatan pelajar tahfiz dalam aktiviti pengajaran al-Quran mampu menghasilkan manfaat dalam pelbagai dimensi yang merangkumi pembangunan pedagogi, kebolehpasaran, kepimpinan dan pemeraksanaan ekonomi. Oleh itu, Program KCQ boleh dianggap sebagai satu model pembangunan huffaz holistik yang mengintegrasikan pendidikan, dakwah, pembangunan modal insan dan kesejahteraan sosioekonomi dalam satu ekosistem yang saling melengkapi.

Cabaran Pelaksanaan Program Kelas Cinta Al-Quran (KCQ)

Pengurusan Masa dan Komitmen Akademik

Cabaran yang paling dominan dalam kalangan informan ialah kesukaran mengurus masa akibat pertindihan pelbagai komitmen akademik dan bukan akademik. Sebagai pelajar universiti yang mengikuti program Plus Tahfiz, mereka perlu mengimbangi tuntutan pengajian, hafazan al-Quran, tugas kursus, aktiviti kokurikulum dan tanggungjawab sebagai tenaga pengajar KCQ. Perkara ini dijelaskan oleh Informan 5:

“Jadual yang agak pack, seminggu tiga kali kelas. Untuk saya yang bekerja sampai malam agak sulit mengurus masa.”

Kenyataan ini menunjukkan bahawa cabaran utama bukan berpunca daripada kurangnya minat atau komitmen terhadap program, tetapi lebih kepada keperluan mengimbangi pelbagai tanggungjawab yang perlu dilaksanakan secara serentak. Dalam konteks ini, pelatih perlu menunjukkan tahap pengurusan masa yang tinggi bagi memastikan semua komitmen dapat dilaksanakan dengan baik.

Dapatan ini dilihat selari dengan kajian Talib et al. (2024) yang mendapati bahawa pelajar tahfiz sering berhadapan dengan tekanan untuk mengimbangi tuntutan akademik dan hafazan. Kajian Jumri et al. (2025) turut menunjukkan bahawa pengurusan masa merupakan antara cabaran utama yang mempengaruhi prestasi dan kesejahteraan pelajar tahfiz.

Meskipun begitu, dapatan kajian ini memperlihatkan satu lagi dimensi yang lebih luas. Cabaran masa yang dihadapi tidak seharusnya dilihat sebagai kelemahan individu semata-mata, sebaliknya perlu difahami sebagai cabaran struktur yang berkait rapat dengan reka bentuk program dan jadual akademik pelajar. Oleh itu, pihak pengurusan program perlu mempertimbangkan mekanisme yang lebih fleksibel bagi membantu pelatih mengurus komitmen mereka secara lebih berkesan.

Kekangan Internet dan Infrastruktur Digital

Selain pengurusan masa, masalah capaian internet turut dikenal pasti sebagai cabaran utama dalam pelaksanaan pengajaran al-Quran secara dalam talian. Sebagai program yang bergantung sepenuhnya kepada penggunaan teknologi digital, kestabilan internet menjadi faktor penting dalam memastikan kelancaran proses pembelajaran.

Perkara ini dijelaskan oleh Informan 10:

“Wifi UiTM dan data tidak stabil dan konsisten menyebabkan saya banyak kali tangguhkan atau lanjutkan masa kelas mengaji dengan pelajar saya.”

Hal ini menunjukkan bahawa gangguan internet bukan sahaja menjejaskan kelancaran pengajaran, malah boleh mempengaruhi motivasi pelajar dan kesinambungan pembelajaran. Dalam pengajaran al-Quran, kestabilan audio dan video amat penting kerana proses pembetulan bacaan, tajwid dan makhrāj huruf memerlukan interaksi yang jelas dan berterusan antara guru dan pelajar.

Dapatan kajian ini menyokong kajian Ismail et al. (2020) yang mendapati bahawa masalah internet merupakan antara cabaran utama dalam pelaksanaan tasmik hafazan secara dalam talian. Rosli & Razak (2021) turut menjelaskan bahawa proses *talaqqi* dan *musyafahah* menjadi lebih mencabar apabila berhadapan dengan gangguan teknikal dan masalah capaian internet.

Namun demikian, dapatan kajian ini turut menunjukkan daya tahan (*resilience*) dalam kalangan pelatih. Walaupun berhadapan dengan masalah teknikal, mereka tetap berusaha meneruskan kelas dengan melakukan penyesuaian jadual dan menggunakan alternatif komunikasi yang sesuai. Perkara ini menunjukkan bahawa kejayaan pengajaran al-Quran dalam talian tidak hanya bergantung kepada teknologi semata-mata, tetapi turut dipengaruhi oleh komitmen dan kreativiti tenaga pengajar dalam menangani cabaran yang wujud.

Fokus dan Penglibatan Pelajar

Cabaran seterusnya yang dikenal pasti ialah kesukaran mengekalkan fokus dan penglibatan pelajar sepanjang sesi pembelajaran berlangsung. Beberapa informan menyatakan bahawa pelajar, khususnya kanak-kanak, mudah hilang tumpuan apabila sesi pembelajaran berlangsung terlalu lama atau kurang interaktif.

Informan 1 menyatakan:

“Tempoh kelas yang terlalu lama menyebabkan pelajar mudah hilang fokus, lebih-lebih lagi kanak-kanak.”

Manakala Informan 6 menjelaskan:

“Pelajar mudah hilang tumpuan semasa kelas berlangsung.”

Dapatan ini menunjukkan bahawa pembelajaran al-Quran secara dalam talian memerlukan pendekatan pedagogi yang berbeza daripada pembelajaran bersemuka. Faktor seperti tempoh sesi, strategi penyampaian, penggunaan bahan bantu mengajar dan interaksi dua hala perlu diberi perhatian bagi memastikan pelajar kekal terlibat dalam proses pembelajaran.

Penemuan ini selari dengan kajian Japilan et al. (2024) yang menegaskan bahawa pendekatan pedagogi terbeza (*differentiated pedagogy*) perlu diaplikasikan bagi memenuhi keperluan pelajar yang mempunyai tahap perkembangan dan gaya pembelajaran yang berbeza. Dalam era digital, guru tidak lagi boleh bergantung kepada pendekatan tradisional semata-mata, sebaliknya perlu mengintegrasikan elemen interaktif, visual dan aktiviti yang mampu meningkatkan penglibatan pelajar.

Secara kritisnya, dapatan ini menunjukkan bahawa cabaran utama dalam pembelajaran digital bukan terletak pada teknologi itu sendiri, tetapi pada keupayaan tenaga pengajar menyesuaikan pedagogi dengan keperluan pelajar dalam persekitaran maya. Oleh itu, latihan berkaitan pedagogi digital perlu diberikan kepada pelatih bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran yang dilaksanakan.

Kesinambungan Pengajaran dan Pengurusan Program

Kesinambungan pengajaran dan pengurusan program merupakan antara cabaran yang perlu diberi perhatian dalam pelaksanaan Program KCQ. Walaupun program ini berjaya mencapai objektifnya dalam meningkatkan kemahiran pelatih dan prestasi pelajar, beberapa informan menyuarakan isu berkaitan perubahan jadual, pengurusan dokumentasi serta keperluan kepada latihan dan pemantauan yang lebih sistematik. Faktor-faktor ini berpotensi mempengaruhi kelancaran pelaksanaan program serta kesinambungan proses pembelajaran al-Quran.

Antara isu yang dikenal pasti ialah perubahan jadual kelas yang kerap akibat komitmen akademik dan faktor teknikal yang dihadapi oleh pelatih. Keadaan ini menyebabkan sesetengah sesi pembelajaran terpaksa ditangguhkan atau dijadualkan semula. Sebagai contoh, Informan 9 menjelaskan:

“Masalah internet menyebabkan saya banyak kali tangguhkan atau lanjutkan masa kelas mengaji dengan pelajar saya.”

Perkara ini menunjukkan bahawa faktor luaran seperti kestabilan internet bukan sahaja memberi kesan kepada pelaksanaan pengajaran, malah turut mempengaruhi kesinambungan hubungan pembelajaran antara pelatih dan pelajar. Dalam proses pendidikan al-Quran, kesinambungan pembelajaran amat penting kerana proses penguasaan bacaan, tajwid dan makhraj memerlukan bimbingan yang berterusan dan konsisten.

Selain itu, beberapa informan turut menekankan cabaran berkaitan pengurusan dokumentasi dan pemantauan program. Informan 8 menyatakan:

“Perlu carikan cara lebih mudah untuk mendokumentasikan maklumat selepas habis kelas kerana saya seringkali terpaksa tangguh dan selanjutnya terlupa untuk mengisi borang kehadiran dan prestasi. Hal ini menyebabkan saya kehilangan kebanyakan allowance walaupun saya telah buat banyak sekali kelas.”

Dapatan ini menunjukkan bahawa sistem dokumentasi sedia ada mungkin memerlukan penambahbaikan bagi memudahkan pelatih merekodkan kehadiran dan perkembangan pelajar. Pengurusan dokumentasi yang kurang efisien bukan sahaja memberi kesan kepada urusan pentadbiran program, malah boleh menjejaskan proses pemantauan dan penilaian keberkesanan pembelajaran yang dijalankan.

Di samping itu, beberapa informan turut mencadangkan agar latihan dan sokongan kepada pelatih diperkukuhkan secara berkala. Sebagai contoh, Informan 3 mencadangkan:

“Adakan training kepada pelatih setiap bulan untuk memantapkan lagi ilmu Quran dan tajwid serta ilmu kendali pelajar di dalam kelas KCQ.”

Cadangan tersebut menunjukkan bahawa pelatih melihat latihan berterusan sebagai satu keperluan bagi memastikan kualiti pengajaran dapat dikekalkan. Bagi Program KCQ, latihan yang konsisten dapat membantu menyeragamkan standard pengajaran, meningkatkan keyakinan pelatih serta memastikan pengalaman pembelajaran yang lebih berkualiti kepada pelajar.

Bahkan, dapatan kajian ini selaras dengan kajian Ismail et al. (2020) dan Rosli & Razak (2021) yang mendapati bahawa keberkesanan pengajaran al-Quran secara dalam talian dipengaruhi oleh faktor pengurusan program, kestabilan teknologi serta komitmen tenaga pengajar. Dalam masa yang sama, Abd Hamid et al. (2022) juga menegaskan bahawa pelaksanaan pengajaran al-Quran dalam persekitaran digital memerlukan penyelarasan yang sistematik bagi memastikan proses pembelajaran dapat berlangsung secara konsisten dan berkesan. Selain itu, Haslin & Hamzah (2023) menjelaskan bahawa sokongan organisasi, kesediaan peserta serta pengurusan yang teratur merupakan faktor penting dalam memastikan kelangsungan sesuatu program pembelajaran digital.

Penutup

Kajian ini dijalankan untuk meneroka pengalaman pelajar PLUS Tahfiz Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis (UiTM Perlis) dalam melaksanakan pengajaran al-Quran secara

dalam talian melalui Program Cinta Al-Quran (KCQ). Berdasarkan analisis temu bual terhadap 14 orang pelatih, kajian ini berjaya mengenal pasti empat tema utama iaitu peningkatan kemahiran pedagogi, keberkesanan pengajaran al-Quran secara dalam talian, peluang penjana pendapatan dan pembangunan modal insan serta cabaran pelaksanaan program. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penglibatan dalam Program KCQ telah membantu pelatih meningkatkan kemahiran pedagogi khususnya dalam aspek komunikasi, teknik penyampaian, pengurusan kelas dan refleksi sendiri sebagai pendidik. Pengalaman mengendalikan kelas secara langsung memberi peluang kepada pelatih untuk mengaplikasikan ilmu yang dipelajari serta membina keyakinan diri sebagai bakal tenaga pengajar. Selain itu, kajian turut membuktikan bahawa pengajaran al-Quran secara dalam talian mampu dilaksanakan secara berkesan apabila pelajar menunjukkan peningkatan dalam bacaan al-Quran, penguasaan Iqra' dan tahap motivasi pembelajaran yang tinggi. Fleksibiliti yang ditawarkan oleh teknologi digital juga membolehkan sesi pembelajaran dijalankan tanpa kekangan lokasi dan masa.

Selain itu, kajian ini turut menemui satu dapatan yang signifikan iaitu penglibatan dalam Program KCQ membuka peluang penjana pendapatan kepada pelatih Plus Tahfiz. Dapatan ini menunjukkan bahawa pengajaran al-Quran bukan sahaja berfungsi sebagai medium penyebaran ilmu dan dakwah, malah berpotensi menjadi mekanisme pembangunan sosioekonomi pelajar. Pada masa yang sama, pengalaman mengajar turut menyumbang kepada pembangunan modal insan melalui peningkatan kemahiran insaniah, kepimpinan, komunikasi dan kebolehpasaran graduan tahfiz. Walau bagaimanapun, kajian ini turut mengenal pasti beberapa cabaran utama seperti kekangan masa, masalah capaian internet, tahap fokus pelajar serta isu berkaitan pengurusan dan kesinambungan program.

Dari sudut implikasi teori, kajian ini menyumbang kepada pengembangan literatur berkaitan pendidikan tahfiz dan pengajaran al-Quran secara dalam talian dengan menunjukkan bahawa aktiviti pengajaran bukan sahaja memberi manfaat kepada pelajar yang menerima pembelajaran, tetapi turut memberi impak kepada pembangunan profesional dan ekonomi tenaga pengajar. Dapatan ini memperluaskan perspektif sedia ada yang kebanyakannya menumpukan kepada keberkesanan pembelajaran daripada sudut pelajar semata-mata. Kajian ini mencadangkan bahawa pengajaran al-Quran secara dalam talian boleh dilihat sebagai satu ekosistem pembangunan huffaz holistik yang mengintegrasikan aspek pendidikan, pedagogi, teknologi, kebolehpasaran dan kesejahteraan sosioekonomi.

Dari sudut implikasi praktikal, hasil kajian ini memberi panduan kepada institusi pengajian tinggi, institusi tahfiz dan organisasi yang melaksanakan program pendidikan al-Quran secara dalam talian untuk memperkukuhkan latihan pedagogi digital, menyediakan sistem dokumentasi yang lebih mesra pengguna serta membangunkan mekanisme pemantauan yang lebih sistematik. Selain itu, model Program KCQ berpotensi dijadikan contoh amalan terbaik (*best practice*) dalam usaha memperkasakan pelajar tahfiz melalui pendekatan pembelajaran berasaskan khidmat masyarakat dan teknologi digital.

Walaupun bagaimanapun, kajian ini masih mempunyai beberapa keterbatasan. Pertama, kajian ini hanya melibatkan 14 orang pelatih PLUS Tahfiz di UiTM Perlis, justeru dapatan tidak boleh digeneralisasikan kepada semua pelajar tahfiz di Malaysia. Kedua, kajian ini hanya memperoleh perspektif pelatih tanpa melibatkan pandangan pelajar, ibu bapa atau penyelaras program yang mungkin dapat memberikan gambaran yang lebih menyeluruh. Ketiga, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang memberi tumpuan kepada pengalaman dan

persepsi peserta, tanpa mengukur secara empirikal tahap peningkatan prestasi pelajar melalui analisis kuantitatif.

Sehubungan itu, kajian lanjutan dicadangkan untuk melibatkan sampel yang lebih besar dan merangkumi institusi tahfiz serta universiti yang berbeza bagi membolehkan perbandingan dibuat antara pelbagai konteks pelaksanaan program. Kajian masa hadapan juga boleh menggunakan pendekatan campuran (*mixed methods*) dengan menggabungkan data kualitatif dan kuantitatif bagi menilai secara lebih objektif keberkesanan pengajaran al-Quran secara dalam talian. Di samping itu, kajian berkaitan pembangunan model pedagogi digital untuk pelajar tahfiz, faktor kebolehpasaran graduan tahfiz serta impak ekonomi program pengajaran al-Quran dalam talian wajar diterokai dengan lebih mendalam. Kajian-kajian seperti ini berpotensi menyumbang kepada pembangunan model pendidikan tahfiz yang lebih lestari, relevan dan responsif terhadap keperluan masyarakat serta perkembangan teknologi semasa.

Penghargaan:	Pengkaji merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis atas pembiayaan dan sokongan yang diberikan melalui Geran Inovatif Zakat (GIZA) 2024 bagi projek “Pelaksanaan Program Cinta Al-Quran bersama PERKIM bagi Meningkatkan Kemahiran Asnaf dalam Pengajaran Al-Quran di UiTM Cawangan Perlis” [Kod Projek: 600-UiTMPs (PJI/UPP-GIZA5 2024)]. Penghargaan turut dirakamkan kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), serta semua pelatih dan peserta Program Kelas Cinta Al-Quran (KCQ) yang telah memberikan kerjasama, komitmen dan sokongan sepanjang pelaksanaan kajian ini. Sumbangan dan penglibatan semua pihak amat bermakna dalam menjayakan penyelidikan ini serta menyumbang kepada pembangunan pendidikan al-Quran berasaskan teknologi digital dan khidmat masyarakat.
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini menerima sokongan kewangan daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perlis melalui Geran Inovatif Zakat (GIZA) 2024 di bawah Kod Projek 600-UiTMPs (PJI/UPP-GIZA5 2024) bagi projek “Pelaksanaan Program Cinta Al-Quran bersama PERKIM bagi Meningkatkan Kemahiran Asnaf dalam Pengajaran Al-Quran di UiTM Cawangan Perlis”.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Modern Education (IJMOE).
Pernyataan Etika:	Kajian ini telah dijalankan selaras dengan piawaian etika penyelidikan. Semua prosedur yang melibatkan responden manusia telah disemak dan diluluskan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti, dengan nombor kelulusan [REC/03/2026 (ST/MR/67)]. Persetujuan bermaklumat telah diperolehi daripada semua responden sebelum pengumpulan data dijalankan.

Penyertaan adalah secara sukarela, dan responden telah dijamin kerahsiaan serta anonimitas. Data yang dikumpulkan digunakan semata-mata bagi tujuan akademik.

**Pernyataan
Sumbangan Penulis:**

Noor Azura Zainuddin bertanggungjawab terhadap pelaksanaan program, pengumpulan data, pengurusan data, analisis awal data serta penyediaan draf asal manuskrip. Marina Abu Bakar bertanggungjawab terhadap pengkonsepan kajian, pembangunan idea penyelidikan, reka bentuk metodologi, analisis dan tafsiran dapatan kajian, penyeliaan keseluruhan kajian serta semakan kritikal manuskrip.

Syaimak Ismail @ Mat Yusoff menyumbang kepada pembangunan instrumen kajian, sorotan literatur, analisis kritikal dapatan kajian serta semakan kandungan akademik manuskrip. Noraini Ismail menyumbang kepada pembangunan instrumen, pengesahan data, semakan metodologi kajian dan penambahbaikan manuskrip.

Abdul Salam Zulkifli terlibat dalam koordinasi program, pengurusan lapangan, pemantauan pelaksanaan program serta semakan kandungan manuskrip. Nadiyah Hashim menyumbang kepada sorotan literatur, semakan bahasa, penyediaan rujukan dan penyuntingan akhir manuskrip. Semua pengkaji telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini, membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan untuk penerbitan.

Rujukan

- Ab Hamid, H., Narowi, M., Khairundin, S. A. A., & Khalid, M. F. (2022). Pengajaran dan pembelajaran al-Quran dalam situasi norma baharu pandemik COVID-19 dalam kalangan pensyarah Universiti Selangor: Isu dan cabaran. *Sains Insani*, 7(1), 9–14.
- Abd Hamid, M. F., Ismail, M. J., Baharudin, H., & Surat, S. (2026). Impak pelaksanaan pementoran dalam pengajaran hifz al-Quran maahad tahfiz di Malaysia: Suatu sorotan awal. *E-Journal of Islamic Thought & Understanding*, 9(1), 13–28.
- Abdullah, M. H., Ismail, M. Z., & Saad, A. H. (2025). Inovasi program Q-STEAM Superb Huffaz Kids Explorer: Satu kajian kes dalam pendidikan al-Quran. *Firdaus Journal*, 5(2), 113–128.
- Abdullah, W. A. A. W., Razak, K. A., & Hamzah, M. I. (2023). Penerokaan terhadap pengetahuan yang digunakan oleh guru inovatif Pendidikan Islam untuk menghasilkan inovasi pengajaran. *Akademika*, 93(2), 89–101.
- Abdullah, W. W. A. A. (2022). *Guru inovatif Pendidikan Islam dalam inovasi pengajaran* (Tesis doktor falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Adi, M. F. A., Kamar, M. Z. S., & Nawi, M. I. M. (2026). Tahap penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) oleh pensyarah tahfiz dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 13(1), 229–238.
- Affindi, M. I. S., & Saad, M. F. M. (2026). The evaluation of technology use in the teaching of qiraat: Evaluasi penggunaan teknologi dalam pengajaran ilmu qiraat. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 35(3), 34–45.
- Ahmad, A., & Adam, H. H. (2022). Dasar pendidikan tahfiz negara: Pelaksanaan di Kementerian Pendidikan Malaysia. *Jurnal Al-Anwar*, 31–42.
- Ali, N. B., Razaly, M. Z., Saja, M., & Hashim, N. (2022). Education challenges throughout the COVID-19 pandemic: Adaptation of the talaqqi concept in Islamic studies via online. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 27(2), 41–53.
- Alrasi, F., Wandu, A., & Daus, F. (2026). Analisis teoretis inovasi pendidikan Islam: Perspektif teori difusi inovasi, pedagogik inovatif, dan teknologi pendidikan. *Al-Ilmiya: Jurnal Pendidikan Islam*, 1(4), 1636–1643.
- Amir, D. S. M., Azmi, N. R. M. K., Zahid, W. N. F. W. M., & Hassan, S. N. S. (2023). Isu dan cabaran pembelajaran ilmu tajwid secara dalam talian. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari (JOIRC)*, 6(11), 51–61.
- Ar, M. D. F., Ihsan, M. M. A., & Islam, N. (2026). AI dan pembinaan adab dalam pendidikan Islam era digital berasaskan etika Islam. *Educalia: Journal of Educational Research*, 5(1), 71–94.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101.
- Braun, V., & Clarke, V. (2022). *Thematic analysis: A practical guide*. SAGE Publications.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2023). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (6th ed.). SAGE Publications.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Fauzi, M. S. H. M., Hussin, Z., & Siraj, S. (2026). Model al-Qabisi dalam pendidikan hibrid: Sorotan literatur. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 13(2), 1–6.
- Halim, W. M. H. W., Abdullah, M., & Ariffin, S. (2025). Analisis keberkesanan kaedah tahfiz dalam hafazan al-Quran: Kajian kes Muhammad Rifa'ei Bin Mat Zuki, Johan Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan 2024. *Al-Bayan: Journal of Qur'an and Hadith Studies*, 23(3), 602–625.

- Haslin, K. M., & Hamzah, M. I. (2023). Pendigitalan pendidikan: Kesiapan dan cabaran terhadap murid dalam pembelajaran. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 3(1), 41–57.
- Husin, N. (2021). Pengajaran dan pembelajaran dalam talian dalam kalangan pelajar Program Sarjana Muda Pengajian Bahasa Al-Quran, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). *Jurnal Pengajian Islam*, 106–120.
- Hussin, M. N., Wazir, R., & Rahman, K. A. A. (2021). Kajian awal tentang pelaksanaan pembelajaran atas talian dalam kalangan mahasiswa pengajian Islam di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). *Jurnal Pengajian Islam*, 14(1), 148–159.
- Ilyas, M. (2024). Transformasi pendidikan Islam di era globalisasi dan teknologi: Tantangan dan solusi. *Al-Abshor: Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 1(2), 158–169.
- Ismail, A., Osman, K., & Hassan, N. H. (2020). Cabaran pengajaran dan pembelajaran tasmik hafazan al-Quran secara atas talian sewaktu pandemik COVID-19. *Bicara Dakwah*, 21, 110–116.
- Ismail, M. A. B., & Rahman, E. Z. E. A. (2020). Pedagogi abad ke-21 (PAK-21): Cabaran guru Pendidikan Islam dalam pengajaran al-Quran. Dalam *Proceedings of the International Conference on Educational Research (InCER 2020)* (hlm. 95–102).
- Ismail, M. J., Mohamad, S., Puji, T. I. Z. T., & Yusof, N. H. (2017). Strategi kecemerlangan institusi pendidikan tahfiz al-Quran di Malaysia: Satu tinjauan literatur. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 15(1), 55–65.
- Ismail, S., Yusoff, H. M., Husin, H., Salleh, N. M. M., Lokman, K., Saad, M. F. A. M., & Suhaime, M. I. (2025). Aplikasi teknologi media dan manfaatnya dalam pembelajaran tahfiz di Malaysia: Media technology applications and their benefits in tahfiz learning in Malaysia. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 12(3), 179–191.
- Japilan, N. H. A., Muhamad, N., & Saili, J. (2024). Analisis kritikal evolusi pendekatan pedagogi terbeza dalam pengajaran tilawah al-Quran: Satu tinjauan literatur. *Quantum Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(4), 236–250.
- Jodi, K. H. M., Rahman, M. Z. A., Omar, R., & Rekan, A. A. (2026). Model cybergogi-talaqqi: Integrasi teknologi digital dan adab dalam pembelajaran pengajian Islam di institusi pendidikan tinggi. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 14(1), 24–45.
- Jumri, M. F., Yaakub, M. S., & Ismail, M. Z. (2025). Analisis faktor kegagalan pelajar menamatkan pengajian Program Sijil Asas Tahfiz di PSAS melalui teknik kumpulan nominal. Dalam *E-Prosiding International Conference on Business Studies and Education (ICBE)* (hlm. 26–33).
- Kaimin, S. K., Yussuf, A., Yakub, M., & Yusoff, Z. M. (2025). Amalan pembelajaran hifz al-Quran pelajar Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) sekolah menengah kebangsaan agama di Malaysia. *Jurnal Usuluddin*, 53(1), 99–126.
- Khoiriyah, F., & Hidayatullah, I. A. (2026). Transformasi digital dalam pengelolaan pendidikan Islam. *Salam Institute Islamic Studies*, 3(1), 33–37.
- Laila, A. N., Rahmawati, A., Azizah, N., & Chasanah, M. (2023). Pendampingan pemanfaatan aplikasi Al-Qur'an for Tahfiz sebagai media pembelajaran di pesantren. *Amalee: Indonesian Journal of Community Research and Engagement*, 4(1), 157–167.
- Latiff, M. I. A., & Jaafar, N. (2024). Institusi tahfiz di Malaysia: Proses perkembangan dan cabaran. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran dan Isu-Isu Kontemporari*, 7(2), 54–63.
- Lincoln, Y. S., & Guba, E. G. (1985). *Naturalistic inquiry*. Sage Publications.
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative research: A guide to design and implementation* (4th ed.). Jossey-Bass.

- Mohamad, W. M. W., & Teh, K. S. M. (2020). Kemahiran kreativiti berasaskan al-Quran dalam pembelajaran abad ke-21 pendidikan Islam. Dalam *Proceedings of the 7th International Conference on Islamic Education (ICIEd 2020)* (hlm. 444–455).
- Ni'mah, I. R. (2025). Relevansi literasi digital dalam metode pembelajaran Al-Qur'an: Studi pada pendidikan Islam kontemporer. *Jejak Digital: Jurnal Ilmiah Multidisiplin*, 1(4), 922–929.
- Othman, M. K. H., Idris, N. F. H. M., Yusof, M. R., Nawi, M. A. M., Zain, F. M., Hussain, M. A., & Hashim, A. (2025). Keperluan pembangunan model al-Quran pintar dalam PdPc hifz al-Quran berasaskan pendekatan VARK: Satu sorotan. *Jurnal Kajian Islam dan Turath Antara-Bidang*, 1–10.
- Patton, M. Q. (2015). *Qualitative research & evaluation methods* (4th ed.). Sage Publications.
- Rahman, M. Z. A. (2022). Perbezaan kaedah tilawah al-Quran secara bersemuka dan tidak bersemuka dalam kalangan pelajar di era pandemik COVID-19 dan endemik. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 9(2), 86–94.
- Rajikal, W., & Hamzah, M. I. (2020). Kajian sistematik pengajaran abad ke-21 (PAK21) dalam kalangan guru Pendidikan Islam (GPI). *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 4(2), 103–113.
- Rosli, S. N. A., & Razak, K. A. (2021). Cabaran dan cadangan penyelesaian tasmik atas talian. *Jurnal Ilmi*, 11(1), 137–145.
- Saili, J., Taat, M. S., & Awang Japilan, N. H. (2025). Penerokaan faktor-faktor pengetahuan teknologi pedagogi kandungan yang mempengaruhi amalan strategi pengajaran kreatif dalam pendidikan Islam. *Voice of Academia*, 21(2), 30–45.
- Salleh, F. N. M., Azman, N. A. A., Abdullah, N. I., Rani, N. H. A., Asyikin, N. A., & Lee, A. I. (2025). Penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam kalangan pelajar universiti: Kesan terhadap pembelajaran dan kebergantungan akademik. *E-Journal of Islamic Thought & Understanding*, 8(1), 82–99.
- Salleh, N. M. M., Ismail, S., Yusoff, N. H. M., & Hussin, H. (2025). Pengintegrasian teknologi dalam pembelajaran al-Quran: Analisis keberkesanan. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 12(4), 94–105.
- Shaharuddin, S. A., Ismail, S., Mustafa, N. M., Yahaya, M., & Razali, K. S. (2024). Kemajuan inovasi aplikasi tahfiz digital: Satu kemudahan bagi pengajian tahfiz al-Quran di Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam*, 17(1), 133–146.
- Shokri, S. S. M., Salihan, S., & Abd Hamid, M. H. (2021). Inovasi digital dalam pengajaran dan pembelajaran program tahfiz di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN). *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 6(1), 495–507.
- Sohar, F., Azam, N. Q. P. K., Ariffin, M. F. M., Islam, B. K. M., & Azid, M. A. A. (2025). Cabaran pembudayaan ilmu Islam pasca norma baharu COVID-19. *DIRASATICA*, 1(1), 1–18.
- Suhaila, Z. (2023). *Kelas pengajian al-Quran secara dalam talian dan bersemuka: Kajian keberkesanan di Pusat Bimbingan Al-Quran dan Hafazan Al-Baghdadi, Batu Belah Klang* (Tesis sarjana, Universiti Malaya).
- Sutiono, S., Oktapiani, M., & Soraya, S. (2023). Improved ability to read Al-Qur'an through the Tahfidz Al-Qur'an mentoring model. *International Journal of Emerging Issues in Islamic Studies*, 3(1), 21–28.
- Syahir, A. N. A., Abidin, M. S. Z., Sa'ari, C. Z., & Rahman, M. Z. A. (2025). Kecerdasan buatan dan transformasi digital dalam pengajian al-Quran: Satu tinjauan literatur sistematik. *QURANICA: International Journal of Quranic Research*, Special Issue(14), 542–585.
- Talib, N. H. F., Mamat, M., & Sepiaail, M. (2024). Persepsi dan hala tuju pelajar dalam pengajian tahfiz. *Tinta Artikulasi Membina Ummah (TAMU)*, 10(2), 61–76.

- Wan, A. W., Abdul, R. K., Hamzah, M. I., & Mohd, Z. N. (2023). Motivasi penghasilan inovasi pengajaran oleh guru inovatif Pendidikan Islam. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 7(1), 1–15.
- Wan, C. W. S. B. C., Ahmad, S., Abd Rahman, K., & Junaini, S. N. (2025). Persepsi, cabaran dan etika: Analisis penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam pembelajaran di kalangan pelajar. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 12(4), 260–271.
- Yasin, D. H. F. (2025). Transformasi pembukuan al-Quran: Dari tradisi lisan ke inovasi digital. *Jamalullail Journal*, 4(1), 51–71.
- Yin, R. K. (2018). *Case study research and applications: Design and methods* (6th ed.). Sage Publications.
- Zahari, N. H. A. H., & Bidin, S. N. B. S. (2024). Trend kajian kaedah kontemporari pembelajaran al-Quran: Sorotan dari tahun 2019 hingga 2023. *Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah*, 20(2), 319–340.
- Zainuddin, A. (2025). Transformasi kurikulum pendidikan Islam di era digital: Integrasi nilai keislaman dan literasi teknologi. *Al Huda: Journal of Islamic Education and Society*, 1(1), 1–22.
- Zakaria, M. S., Samah, N. A. A., & Ahmad, A. M. (2022). *Model Hafazan Al-Quran Techno Huffaz*. Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.
- Zakaria, R., & Hussin, H. (2023). Peranan ibu bapa terhadap pembelajaran al-Quran secara atas talian. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran dan Isu-Isu Kontemporari*, 6(1), 8–15.